

14 FEB 1996

Hutan

PAHANG AKAN TAMBAH KAWASAN HUTAN SIMPAN

KUANTAN, 14 Feb (Bernama) -- Pahang akan menambah kawasan hutan simpan dan memastikan sekurang-kurangnya 51 peratus daripada keluasan negeri ini diliputi hutan pada setiap masa, kata Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob.

Seluruh daerah Cameron Highlands kecuali kawasan bandarnya juga akan diwartakan sebagai kawasan hutan simpan kekal, kata beliau.

Katanya, Kerajaan Negeri merancang menambah kawasan hutan itu dengan menggalakkan program penanam pokok hutan daripada speisies yang produktif yang boleh membesar dalam jangka masa yang singkat.

Usaha mengenal pasti kawasan tadahan air terus dilakukan dan pembangunan bagi kawasan ini tidak akan dibenarkan, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di sini.

Beliau berkata sumber air terlalu penting untuk Kerajaan Negeri kerana Pahang mempunyai potensi yang besar untuk menjual air ke negeri-negeri lain dan Singapura.

"Kita akan mengambil langkah sewajarnya untuk mengawal kawasan punca air...satu daripada caranya ialah menambah keluasan kawasan hutan," katanya.

Mengenai langkah mewartakan Cameron Highlands sebagai kawasan hutan simpan kekal, beliau berkata, pembangunan tidak boleh dilaksanakan dalam bentuk yang besar dan mesti mengikuti pelan induk pembangunan daerah itu yang telah disediakan.

Kita tidak mahu berlakunya hakisan atau kejadian tanah runtuh yang bukan sahaja akan menjejaskan rangkaian jalan raya tetapi juga boleh mendatangkan kesan kepada status punca air di kawasan itu, katanya.

Beliau juga berkata Kerajaan Negeri akan membentuk Jawatankuasa Bertindak untuk menangani masalah pencerobohan tanah terutamanya di Raub yang masih berleluasa.

Kerajaan tidak akan memperakukan dan mengeluarkan geran hak milik kepada pembeli yang membeli tanah daripada sindiket yang menceroboh dan meneroka tanah itu manakala tindakan juga akan diambil terhadap sindiket itu, katanya.

Mengenai arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua agensi dan sektor swasta serta kontraktor utama mengaudit projek masing-masing bagi memastikan mereka menggunakan bahan tempatan ke arah mengatasi defisit imbalan pembayaran, Khalil berkata Kerajaan Negeri sedang mengawasi perbelanjaan agensi dan anak syarikat agensi kerajaan serta peranan anggota lembaga pengarah mereka.

"Kita sedang memikirkan secara serius untuk mengecilkan saiz atau menutup satu atau dua agensi yang difikirkan tidak lagi sesuai dengan keadaan masa kini," katanya.

Menurut sumber antara agensi yang dijangka dikecilkan saiznya atau ditutup itu ialah Jengka Corporation dan Bukit Fraser Corporation ekoran peranan mereka kini tidak lagi sepenting ketika mula-mula pembukaan tanah dan pembangunan dijalankan di Jengka dan Bukit Fraser dahulu. -- BERNAMA

AZ NMO